

TARIKH	6 / 12 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	56	RUANGAN	NTaga

Pearl@enstek catat jualan RM15.5 juta ketika dilancar

KUALA LUMPUR - Projek pembangunan kediaman terbaharu Kumpulan TH Properties Sdn. Bhd. (TH Properties), Pearl@enstek di Bandar Enstek, Nilai, Negeri Sembilan berjaya mencatat jualan RM15.5 juta pada mula ia dilancarkan jualan baru ini.

Pearl@Enstek yang dibangunkan dengan nilai RM37.5 juta itu merupakan sebahagian daripada projek kediaman hartanah bercampur yang sedang membangun pesat di kawasan seluas empat hektar.

Pengurus Kanan Pemasaran dan Jualan TH Properties, Mohd. Adlee Yusof berkata, sejumlah tujuh unit banglo serta tujuh unit rumah berkembar bernilai RM15.5 juta telah terjual sejak pelancarannya pada bulan November lalu.

"Kami berpuas hati dengan jualan yang dicatatkan setakat ini yang mewakili 40 peratus daripada sejumlah 35 unit yang ditawarkan untuk jualan, malah semua unit banglo yang kami tawarkan sudah habis dijual.

"Kami yakin baki rumah berkembar yang masih ada dalam pembangunan kediaman mewah di Bandar Enstek ini akan terjual dalam tempoh beberapa minggu akan da-

ang," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Mohd. Adlee memberitahu, antara faktor-faktor yang membantu jualan Pearl@enstek itu merupakan gaya hidup mewah yang ditawarkan unit-unit banglo dan rumah berkembar berkenaan selain rangkaian perhubungan jalan raya yang sangat baik.

Ujar beliau, kemudahan infrastruktur, harga jualan yang berpatutan dan status pegangan bebas juga menjadi faktor penarik kepada para pembeli.

"Reka bentuk rumah di taman perumahan ini menepati cita rasa dan aspirasi untuk pasangan muda, keluarga yang sedang membesar serta mereka yang mencari ruang kediaman lebih besar ditambah dengan halaman yang luas.

"Setiap unit banglo dilengkapi kolam rekreasi dengan saiz bersesuaian untuk seisi keluarga," ujarnya.

Unit banglo dijual pada harga serendah RM1.22 juta yang dilengkapi dengan enam buah bilik tidur serta enam bilik mandi, ia dijangka siap sepenuhnya pada April 2014.

Projek rumah berkembar pula dijual pada harga permulaan RM851,100 yang memiliki lima buah bilik tidur dengan lima bilik air.